

MINIT MESYUARAT

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-30
& MESYUARAT AGUNG KHAS 2025**



MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-30 PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

Tarikh : 18 Jun 2025 (Rabu)
Masa : 3.30 petang – 5.00 petang
Tempat : Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur
Pengerusi : YBhg. Datuk Dr Radzali Hassan

Kehadiran :	YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir En. Deric Yeo Chin Lee En. Khalek Awang En. Kairul Azman Mohd Yusoh En. Ramilan Abdul Rahman En. Paul Ang Beng Teck En. Amran Abd Hamid En. Daniel Lim Sim En. Jacky Lim En. Terry Lim YBrs. Prof Dr Azmawani Abd Rahman YBrs. Prof Dr Mohd Hizam Hanafiah En. Mazlan Ibrahim En. Wan Khairul Annuar Wan Zainal Cik Chen Ee Ling	Naib Pengerusi Setiausaha Agung Penolong Setiausaha Penolong Setiausaha Bendahari Agung Penolong Bendahari Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Juruaudit Dalam Juruaudit Dalam
--------------------	--	--

128 kehadiran termasuk 56 perwakilan ahli biasa, 14 perwakilan ahli bersekutu, 1 perwakilan ahli bergabung, 45 pemerhati daripada wakil ahli, 8 wakil kementerian dan 4 jemputan. (Sila rujuk lampiran)

Tidak Hadir dengan notis :	En. Mohamad Shukri Salleh YBhg. Dato' Rohaizi Bahari En Chek Zainuddin Chek Jusoh Cik Joyce See En. Neoh Eng Kee Pn. Wong Jin Nee	Naib Pengerusi Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa
-----------------------------------	--	---

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI

- 1.1. YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 30.
- 1.2. En. Deric Yeo selaku Setiausaha Agung telah memaklumkan korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (1) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 29

- 2.1. En. Deric Yeo selaku Setiausaha Agung mesyuarat telah meminta ahli yang hadir untuk mencadang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29.
- 2.2. En Syaffiq Ali dari Roasters Asia Pacific Sdn Bhd mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 diterima dan disokong oleh En Wan Khairul Annuar Bin Wan Zainal dari Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd

3.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2024

- 3.1. En Deric Yeo selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2024. Antara perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. Sepanjang tahun 2024, MFA telah mengadakan pelbagai sesi libat urus bersama ahli dan bakal ahli, termasuk kunjungan kepada francaisor, bakal francaisor, konsultan dan firma guaman. Selain itu, MFA turut mengadakan kerjasama strategik dengan kementerian dan agensi berkaitan. Sesi kunjungan hormat kepada YB Dato' Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

telah diadakan pada 12 Jun 2024. Manakala, kunjungan hormat telah diadakan kepada YBhg Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 29 Mac 2024.

- 3.1.2. MFA telah menyertai pelbagai program anjuran kementerian dan agensi seperti Program Hawa Malaysia: Women in Trade Industry pada 23 Julai 2024, Program Bulan Koperasi Kebangsaan pada 5 hingga 7 Julai 2024, dan Program Madani Rakyat Zon Sabah pada 27 November 2024. Selain itu, MFA juga telah dilantik sebagai ahli Lembaga Penasihat Francais dan telah menghadiri mesyuaratnya pada 28 November 2024.
- 3.1.3. Program "*National Franchise Expo (NFX)*" telah diadakan pada 14 hingga 17 November 2024 bertempat di Alor Setar, Kedah dengan penyertaan seramai 13 pempamer. Program ini diadakan bagi mempromosikan peluang perniagaan francais serta meningkatkan pendedahan jenama francais kepada masyarakat di Zon Utara.
- 3.1.4. Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-29 telah diadakan pada 26 Jun 2024 bertempat di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur dengan kehadiran seramai 96 wakil ahli. MFA juga merupakan ahli kepada *World Franchise Council (WFC)* dan *Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)* dan telah menghadiri mesyuaratnya yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 27 hingga 29 Mei 2024. MFA turut menghadiri mesyuarat WFC yang telah bersidang di Merida, Mexico pada 21 hingga 23 November 2024. Mesyuarat WFC & APFC telah membuka peluang promosi antarabangsa dan kerjasama dengan persatuan francais dari seluruh dunia, serta memahami berkenaan hal ehwal perundangan tempatan seperti peraturan pendaftaran dan sebagainya.
- 3.1.5. MFA telah menjalinkan kerjasama akademik melalui program lawatan industri oleh Malaysian Science University (MSU) ke pejabat Persatuan Francais Malaysia pada 20 November 2024. Di peringkat antarabangsa pula, MFA telah menerima kunjungan daripada wakil francais Morocco pada 18 Disember 2024 bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai program MFA serta meneroka peluang kerjasama dua hala antara Malaysia dan Morocco.
- 3.1.6. Program kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di bawah Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk meningkatkan eksport (*Enhanced Franchise Development Program*) telah membawa penyertaan ahli ke lima (5) Pameran Antarabangsa iaitu Thailand dengan tujuh (7) penyertaan syarikat, Singapura dengan lapan (8) penyertaan syarikat, MIHAS Kuala Lumpur dengan (14) penyertaan syarikat, Emiriah Arab Bersatu dengan (10) penyertaan syarikat dan Arab Saudi dengan tujuh (7) penyertaan syarikat. Di bawah program EFDP ini juga, tiga (3) Misi Padanan Perniagaan (*Specialised Business Mission*) telah diadakan iaitu di Jakarta, Indonesia pada 9-12 Jun 2024 dengan penyertaan (11) syarikat, Manila, Filipina pada 23-26 Jun 2024 dengan penyertaan empat (4) syarikat dan London, United Kingdom pada 14-16 Ogos 2024 dengan penyertaan enam (6) syarikat. Secara keseluruhannya, sebanyak (21) buah syarikat telah terlibat dalam program EFDP 2024.
- 3.1.7. MFA turut mengadakan dua (2) Program International Expansion Trade Mission (IETM) ke Gulf Franchise Expo di Abu Dhabi pada 22 Februari 2024 dan BVMW's SME Future Day pada 13 hingga 15 Mac 2024 bertempat di Berlin, Jerman. Program ini merupakan usaha MFA kepada para ahli MFA untuk memberi pendedahan dan peluang menembusi pasaran luar negara dengan menyertai pameran antarabangsa.
- 3.1.8. Pengurusan acara bagi tahun 2024 telah dijayakan dengan pelaksanaan Projek Bunga Raya yang merupakan himpunan lima (5) acara yang berbeza yang diadakan serentak pada bulan Mei 2024. Butiran lanjut adalah seperti berikut:
 - 3.1.8.1. Pameran Francais Antarabangsa (FIM) telah diadakan pada 30 Mei hingga 1 Jun 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan penyertaan 131 syarikat tempatan atau 204 buah reruai daripada 15 buah negara, RM716 juta potensi pelaburan dan telah menerima lebih dari 30,000 pengunjung.
 - 3.1.8.2. Program persidangan francais antarabangsa telah diadakan pada 29 Mei 2024. Persidangan ini telah dihadiri seramai 247 peserta dan 14 orang penceramah dengan lapan (8) sesi persidangan.
 - 3.1.8.3. Malam Anugerah Francais (MAF) telah diadakan pada 30 Mei 2024 dengan dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan dihadiri oleh 800 orang tetamu. Pemenang Francais Terbaik pada tahun 2024 ialah QC Group Sdn Bhd.
 - 3.1.8.4. Misi padanan perniagaan *Franchise In Buying Mission (FIBM)* dengan kerjasama MATRADE telah melibatkan 18 orang potensi pelabur daripada enam (6) buah negara untuk berbincang dengan 25 buah syarikat tempatan mengenai potensi pelaburan francais ke luar negara.
 - 3.1.8.5. MFA telah menjadi tuan rumah kali ke-lima bagi mesyuarat *World Franchise Council (WFC)* dan *Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)* pada 27 – 29 Mei 2024 di Kuala Lumpur. Pelbagai perbincangan dan sesi perkongsian amalan terbaik Persatuan, hal ehwal keahlian dan perlantikan

sesi Jawatankuasa telah diadakan. Pada mesyuarat WFC, Malaysia telah dipilih sebagai Timbalan Setiausaha, Kandungan dan Latihan (*Vice Secretary of Content and Training*) bagi sesi 2024/2026.

- 3.1.9. Sebanyak 13 program latihan francais telah diadakan sepanjang tahun 2024, dengan penyertaan seramai 204 peserta.
- 3.1.10. Setiap ahli MFA akan mendapat sokongan keahlian sepanjang keahlian di MFA seperti konsultasi, promosi, hebahan maklumat terkini, program Enhance Members Benefit (EMBI), liputan media, jemputan penyertaan ke aktiviti, maklum balas berkaitan isu francais dan perniagaan serta kemudahan penggunaan fasiliti MFA.
- 3.1.11. MFA telah giat melaksanakan promosi dan pengiklanan sepanjang tahun 2024 di semua platform media sosial rasmi MFA iaitu laman sesawang, Facebook, Instagram, X, Tiktok dan YouTube. Kesemua ahli digalakkan untuk mengikuti saluran media sosial MFA bagi mengetahui perkembangan aktiviti dan program-program terkini MFA.
- 3.1.12. MFA turut terlibat dalam menyediakan editorial dan menerbitkan majalah *Franchise Mind* yang menampilkan isu-isu terkini dalam industri francais. Penerbitan ini merupakan langkah terbaik dalam mendapatkan pendedahan serta membuka peluang kerjasama antarabangsa kerana majalah ini turut diedarkan ke seluruh negara ASEAN. Bagi mana-mana ahli yang berminat untuk menampilkan syarikat sendiri dalam majalah akan datang boleh hubungi sekretariat MFA.
- 3.1.13. Laporan Kemajuan telah diterima dan disokong sebulat suara oleh ahli yang hadir dalam Mesyuarat.

4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

- 4.1. En Ramilan Abdul Rahman selaku Bendahari Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. Antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:
 - 4.1.1. Bagi tahun 2024, prestasi kewangan Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara keseluruhannya mencatatkan lebih pendapatan sebanyak RM42 ribu, meningkat sedikit berbanding RM39 ribu pada tahun 2023. Peningkatan ini mencerminkan prestasi yang stabil hasil daripada pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang tahun. Dana terkumpul MFA turut menunjukkan peningkatan, meningkat kepada RM1.47 juta pada tahun 2024 berbanding RM1.43 juta pada tahun sebelumnya.
 - 4.1.2. Jumlah lebih pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 ialah sebanyak RM42 ribu. Pendapatan keseluruhan telah mencatat peningkatan sebanyak 29% iaitu RM6.658 juta berbanding RM5.149 juta pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pada tahun 2024 turut meningkat kepada RM6,616 juta pada tahun 2024 berbanding RM5,110 juta pada tahun sebelumnya.
- 4.2. En Wan Khairul Annuar Wan Zainal, dari Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd telah mencadangkan agar Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 diterima dan telah disokong oleh En Ahmad Jamaluddin dari Little Caliphs International Sdn Bhd dan En Kevan Ong dari Smart Reader Worldwide Sdn Bhd.

5.0 MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGAN USUL-USUL

- 5.1 En. Kairul Azman Mohd Yusoh selaku Penolong Setiausaha telah memaklumkan bahawa tiga (3) usul telah diterima sebelum tarikh tutup pada 11 Jun 2025. Butiran lanjut usul yang telah diterima dan maklum balas usul tersebut adalah seperti berikut:
 - 5.1.1 En Hassan Shukri Hussein dari Permodalan Kelantan Berhad memberi usul supaya pihak MFA menyediakan lebih banyak *business matching* berkaitan perkhidmatan yang akan diadakan terutamanya berkaitan perniagaan pajak gadai. En. Kairul Azman menjelaskan bahawa MFA mengambil maklum dan amat menghargai saranan bagi memperbanyakkan lagi sesi padanan perniagaan (*Business Matching*) melibatkan sektor perkhidmatan dan cadangan ini juga selaras dengan usaha MFA untuk memperkukuh jaringan industri francais secara menyeluruh. Pihak MFA akan meneliti keperluan dan potensi perlaksanaan bagi memastikan impak yang optimum.
 - 5.1.2 Usul kedua adalah daripada Cik Ch'ng Hui Lin, Ketua Pegawai Eksekutif Infinex Solutions Asia Consultancy Sdn Bhd yang mencadangkan agar mengadakan lebih banyak sesi perkongsian bersama francaisor lain mengikut industri (pendidikan, makanan & minuman dan sebagainya) mengenai pengurusan francais dan pengoptimuman operasi. En Kairul Azman telah memaklumkan bahawa MFA kini telah mula melaksanakan sesi libat urus secara berfokus mengikut sektor seperti pendidikan, makanan & minuman dan lain-lain dalam kumpulan yang kecil sekitar 10 hingga 15 orang. Sepanjang tahun 2024, sebanyak enam (6) program telah dilaksanakan. Cadangan untuk meluaskan sesi-sesi ini kepada perbincangan lebih spesifik khususnya

dalam aspek pengurusan francais dan pengoptimuman operasi amatlah dialu-alukan. Selain itu juga, MFA akan terus menambah baik penganjuran program seumpama ini agar manfaatnya dapat diteruskan secara menyeluruh kepada ahli.

- 5.1.3 Usul yang terakhir telah diterima daripada En Tajudin Mustafa, Pengarah QC Group Sdn Bhd dengan cadangan agar MFA mengadakan program pengantarabangsaaan yang memberi fokus kepada pasaran ASEAN dan membangunkan program Mentor-Mentee bagi membantu jenama francais tempatan menembusi pasaran antarabangsa. En. Kairul Azman telah mengucapkan terima kasih atas cadangan yang dikemukakan dan memaklumkan bahawa cadangan seperti ini telah pun dibangkitkan kepada pihak Kementerian dalam Bengkel Impak EFDP pada awal tahun 2025. Ia merupakan salah satu pengisian penting dalam perbincangan mengenai impak dan hala tuju program pengantarabangsaaan untuk tahun-tahun akan datang. Malah, semasa pameran FIM2025 baru-baru ini, MFA turut mengadakan sesi perbincangan bersama ahli francais dari negara-negara ASEAN untuk membincangkan kaedah membuka peluang kepada syarikat tempatan menembusi pasaran di rantau ASEAN.

6.0 PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA UTAMA SESI 2025/2028

- 6.1 Pengerusi, Datuk Dr Radzali Hassan telah mengumumkan pembubaran Jawatankuasa Utama Sesi 2022/2025 dan melantik Pengerusi Sementara iaitu En Umran Ahmad Ropie bagi mengendalikan proses pemilihan Ahli Jawatankuasa Utama Sesi 2025/2028.
- 6.2 En Umran Ahmad Ropie, selaku Pengerusi sementara telah mengumumkan pemilihan Ahli Jawatankuasa Utama Sesi 2025/2028 bagi jawatan yang dipertandingkan dan menyatakan hanya ahli dan wakil yang sah sahaja layak bertanding dan mengambil bahagian dalam proses pengundian. Tarikh tutup pencalonan adalah pada 11 Jun 2025, Rabu.
- 6.3 Sehingga tarikh tutup pada 11 Jun 2025, terdapat 14 pencalonan untuk 14 kekosongan jawatan yang dipertandingkan. Kesemua calon adalah layak untuk bertanding berdasarkan kepada garis panduan pencalonan.
- 6.4 Bagi jawatan Pengerusi, terdapat satu (1) calon bagi mengisi satu (1) kekosongan jawatan tersebut iaitu YBhg Datuk Dr Radzali Hassan dari Harta Maintenance Sdn Bhd. Oleh itu, YBhg Datuk Dr Radzali Hassan telah menang tanpa bertanding.
- 6.5 Bagi Jawatan Naib Pengerusi, terdapat dua (2) calon bagi mengisi dua (2) kekosongan jawatan tersebut iaitu YBhg Dato' Zahariah Abd Kadir dari Zahariah Affiq Resort Sdn Bhd dan En Deric Yeo dari MY US Pizza Sdn Bhd. Oleh itu, kedua-dua calon telah menang tanpa bertanding.
- 6.6 Bagi jawatan Setiausaha Agung, terdapat dua (2) pencalonan bagi mengisi satu kekosongan jawatan Setiausaha Agung iaitu En. Kairul Azman Mohd Yusoh daripada Marrybrown Sdn Bhd. dan En Mohd Faizal Abd Latip daripada QC Group Sdn Bhd. Setelah proses pengundian dijalankan, En Kairul Azman Mohd Yusoh telah memenangi jawatan Setiausaha Agung dengan memperolehi majoriti undi.
- 6.7 Bagi jawatan Penolong Setiausaha, terdapat satu (1) pencalonan bagi mengisi dua (2) kekosongan jawatan tersebut iaitu En Khalek Awang dari Khalek Awang & Associates. Oleh itu, En Khalek Awang telah menang tanpa bertanding.
- 6.8 Bagi jawatan Bendahari Agung, terdapat satu (1) pencalonan bagi mengisi satu (1) kekosongan jawatan tersebut iaitu YBrs Tn Hj Mohamad Azwani Asa'd dari Rakyat Management Services Sdn Bhd. Oleh itu, YBrs Tn Hj Mohamad Azwani Asa'd telah menang tanpa bertanding.
- 6.9 Bagi jawatan Penolong Bendahari, terdapat satu (1) pencalonan bagi mengisi satu (1) kekosongan jawatan tersebut iaitu En Terry Lim dari Global Art & Creative Sdn Bhd. Oleh itu, En Terry Lim telah menang tanpa bertanding.
- 6.10 Bagi Jawatan Ahli Jawatankuasa Biasa, terdapat tujuh (7) pencalonan bagi mengisi tujuh (7) kekosongan jawatan ini dan kesemua calon ini telah menang tanpa bertanding. Senarai Ahli Jawatankuasa seperti berikut:
1. En Daniel Sim dari Cambridge English For Life Sdn Bhd
 2. En Damian Yeo dari Damian SL Yeo & LC Goh
 3. En Jacky Lim dari Goldlife Marketing Sdn Bhd
 4. Cik Fatin Muzfirah Ahmad Shauhada dari Manjit Singh Sachdev, Mohamed Radzi & Partners
 5. En Pengiran Muhammad Adil Awang dari PMA Rich (M) Sdn Bhd
 6. En Kevan Ong dari Smart Reader Worldwide Sdn Bhd
 7. Puan Wong Jin Nee dari Wong Jin Nee & Teo

6.11 Setelah selesai proses pengundian, En Umran telah mengumumkan senarai penuh Jawatankuasa Utama bagi sesi 2025/2028 dan butirannya adalah seperti dibawah:


Pengerusi	: YBhg Datuk Dr Radzali bin Hassan (Harta Maintenance Sdn Bhd)
Naib Pengerusi	: YBhg Dato' Zahriah binti Abd Kadir (Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd)
Naib Pengerusi	: En Deric Yeo (MY US Pizza Sdn Bhd)
Setiausaha Agung	: En Kairul Azman bin Mohd Yusoh (Marrybrown Sdn Bhd)
Penolong Setiausaha	: En Khalek bin Awang (Khalek Awang & Associates)
Bendahari Agung	: YBrS Tn Hj Mohamad Azwani bin Asa'd (Rakyat Management Services Sdn Bhd)
Penolong Bendahari	: En Terry Lim (Global Art & Creative Sdn Bhd)
Ahli Jawatankuasa	: En Daniel Sim (Cambridge English For Life Sdn Bhd)
	: En Damian Yeo (Damian SL Yeo & LC Goh)
	: Cik Fatin Muzfirah binti Ahmad Shauhada (Merss Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners)
	: En Jacky Lim (Goldlife Marketing Sdn Bhd)
	: En Kevan Ong (Smart Reader Worldwide Sdn Bhd)
	: En Pengiran Muhammad Adil bin Awang Iskanderdzulkarnein (PMA Rich Sdn Bhd)
	: Puan Wong Jin Nee (Wong Jin Nee & Teo)

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN


7.1 Pengerusi, YBhg Datuk Dr Radzali Hassan mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan daripada semua Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2022/2025 serta sekretariat dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancang. Datuk Pengerusi juga mengalu-alukan perantaraan Ahli Jawatankuasa Utama sesi 2025/2028 dan meminta sokongan daripada ahli Persatuan untuk membawa MFA ke tahap yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

7.2 YBhg Datuk Pengerusi telah menanggungkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-30 pada jam 5.30 petang dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.


Minit disediakan oleh:


.....
(BAYANI SALIHAH IBRAHIM)
Penolong Pengurus
Tarikh: 23 Jun 2025


Disemak oleh:


.....
(SITI OHARA HAMDAN)
Pengurus
Tarikh: 25 Jun 2025

Diluluskan oleh:


.....
(ZURAIDA JOMRI)
Ketua Pegawai Eksekutif
Tarikh: 30 Jun 2025

Disahkan benar oleh:


.....
(KAIRULAZMAN MOHD YUSOH)
Setiausaha Agung
Tarikh: 10 Julai 2025


.....
(DATUK DR RADZALI HASSAN)
Pengerusi
Tarikh: 10 Julai 2025

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA KE-30

AHLI BIASA – FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Aloha Training Sdn Bhd	Sylvester Chong	OFO-0521-07-EDU
2.	Boat Noodle Sdn Bhd	Maslyna Sabry	OFO-0123-101-F&B
3.	Cambridge English For Life Sdn Bhd	Daniel Sim Lim Kit	OFO-0506-06-EDU
4.	City Coin Laundry Sdn Bhd	Paul Ang Beng Teck	OFO-0617-01-SVC
5.	Cleanpro Express Sdn Bhd	Ishak Bin Muhamd Gaust	OFO-0414-02-SVC
6.	Deemcee Sdn Bhd	Chen Ee Ling	OFO-0123-102-EDU
7.	DFC Global Sdn Bhd	Rizita Devi @ Amira Binti Omar	OFO-0924-18-F&B
8.	DN Cleaning Services Sdn Bhd	Teoh Pei Yi	OFO-0124-22-SVC
9.	Ezzybucks Sdn Bhd	Nelson Liew Teck How	OFO-0324-08-F&B
10.	Focus Point Vision Care Group Sdn Bhd	David Yong Kong Wing	OFO-0702-03-RET
11.	Genius Aulad International Sdn Bhd	Julie Wong	OFO-0911-03-EDU
12.	Global Art & Creative Sdn Bhd	Terry Lim	OFO-1214-01-EDU
13.	Goldlife Marketing Sdn Bhd	Jacky Lim	OFO-1214-05-RET
14.	Happy Potato Venture Sdn Bhd	Muhammad Firdaus Bin Mohamad Faudzi	OFO-0424-10-F&B
15.	Harta Maintenance Sdn Bhd	Datuk Dr Radzali Bin Hassan	OFO-0313-01 SVC
16.	Hot & Roll Holdings Sdn Bhd	Yong Hong Lim	OFO-0506-07-F&B
17.	I Trainkids Malaysia Sdn Bhd	Aziah Binti Yunan	OFO-0623-107-EDU
18.	Infinex Solutions Asia Consultancy Sdn Bhd	Ch'ng Hui Lin	OFO-1023-109- EDU
19.	King's Confectionery Sdn Bhd	Pam Tan Ah Yong	OFO-0312-08-F&B
20.	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Mohd Rashdan Bin Othman	OFO-0316-01-F&B
21.	Little Calips International Sdn Bhd	Ahmad Bin Jamaludin	OFO-0220-06-EDU
22.	Marrybrown Sdn Bhd	Kairul Azman	OFO-0795-04-F&B
23.	Midyson Sdn Bhd	Khoo Bee Leng	OFO-0623-105-BH
24.	MY US Pizza Sdn Bhd	Deric Yeo	OFO-0921-14-F&B
25.	Permodalan Kelantan Berhad	Mohd Firdaus Bin Mahamood	OFO-1214-02-SVC
26.	PMA Rich (M) Sdn Bhd	Pengiran Muhammad Adil Bin Awang Iskanderdzulkarnein	OFO-0623-104-F&B
27.	QC Group Sdn Bhd	Mohd Faizal Bin Abd Latip	OFO-1121-20-EDU
28.	Q-Dees Worldwide Edusystems (M) Sdn Bhd	Krishnasamy Naidu A/L Sinnathri	OFO-0797-03-EDU
29.	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Mohamad Azwani Asa'd	OFO - 1007-02-FS
30.	Resepi Arena Sdn Bhd	Amran Abd Hamid	OFO-0615-02-F&B
31.	Roasters Asia Pacific (M) Sdn Bhd	Syaffiq Ali	OFO-1195-01-F&B
32.	Rotiboy Bakeshoppe Sdn Bhd	Tan Yeap Hong	OFO-0104-09-F&B
33.	Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd	Maizurah Muhammad Izzudin	OFO-0422-102-CA
34.	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	Kevan Ong Kin Wye	OFO-1000-04-EDU
35.	Sribhagawan Innovation Group Sdn Bhd	Cammy Foo Shi Hui	OFO-0325-07-EDU
36.	SRKK Consulting Sdn Bhd	Dr. Ramli Ismail	OFO-1023-112-OTH
37.	Tea Garden Management Sdn Bhd	Dave Ngew	OFO-0623-108-F&B
38.	TMK Industries Sdn Bhd	Mohd Fadzli Bin Che Harun	OFO-0125-03-SVC

AHLI BIASA – FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Dommall Food Services Sdn Bhd	Mohd Farid Bin Mohd Shariff	OMF-0525-09-F&B
2.	Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd	Nurul Huda Husna SJ Mohd Zaki	OMF-0797-05-F&B

AHLI BIASA – FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Auctus Fortis Sdn Bhd	James Fah Hon Leong	OFE-0724-13-EDU
2.	Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd	Wan Khairul Annuar Bin Wan Zainal	OFE-1218-04-F&B
3.	Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd	Dato' Zahriah Binti Abdul Kadir	OFE-0512-02-TRV

AHLI BIASA – INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Damian SL Yeo & LC Goh	Damian Yeo Shen Li	OSI-0305-17-LEG
2.	Franchise Technology & Methods Sdn Bhd	Sam Siew Pak Kheong	OSI-0795-06-CON
3.	KASS International Sdn Bhd	Danny Ching	OSI-0123-01-CON
4.	Khalek Awang & Associates	Khalek Bin Awang	OSI-0622-104-LEG
5.	Mark's Food Solutions Sdn Bhd	Mark Kenny Douglas	OSI-1224-25-SVC
6.	Messrs Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners	Fatin Muzfirah Binti Ahmad Shauhada	OSI-0498-08-LEG
7.	Messrs Zharif Nizamuddin	Mohd. Saiful Haq Bin Khider	OSI-0525-102-LEG
8.	Miraj Consultancy	Zeehan Rosle	OSI-0525-101-CON
9.	Perbadanan Nasional Berhad	Mazlan Bin Ibrahim	OSI-0798-02-GOV
10.	PIE Global Consulting (Malaysia) Sdn Bhd	Shamsul Amree Bin Ab Rahman	OSI-1024-21-CON
11.	Raja, Darryl & Loh	Chew Phye Keat	OSI-1299-02-LEG
12.	SME Bank	Rohaidah Aris	OSI-0525-08-FI
13.	Wong Jin Nee & Teo	Kathreena Korotana	OSI-0305-05-LEG

AHLI BERSEKUTU – BAKAL FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Deliver Travel & Tours Sdn Bhd	Nadia Syuhada Binti Kamaludin	AFO-0817-01-SVC
2.	Mihara Sdn Bhd	Mohd Fadzli Bin Fathil	AFO-0325-05-F&B
3.	Seruni Global Sdn Bhd	Nor Muhamad Asyrahimi Bin Nor Kamal	AFO-0125-01-F&B
4.	Shang Philopsophy Group Sdn Bhd	Boo Kim Hiok	AFO-0320-12-BH
5.	Sinar Global Hygiene (M) Sdn Bhd	Mohamed Nizar Bin Rahiman Shah	AFO-1219-01-SVC

AHLI BERSEKUTU – BAKAL FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	LJS Restaurants (M) Sdn Bhd	Samuel Chandy	AMF-0923-26-F&B
2.	Synergy Dining Group	Simon Wong	AMF-0324-07-F&B

AHLI BERSEKUTU – INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	King's Park Management Sdn Bhd	Dato' Sri Michael Yong	ASI-0525-10-SVC
2.	Messrs Pathma Raj Ramasamy & Co.	Pathma Raj Ramasamy	ASI-1224-27-LEG
3.	Skrine	Leela Devi A/P Baskaran	ASI-0924-105-LEG

AHLI BERSEKUTU – INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
4.	Synergy Connect Holdings Sdn Bhd	Joanne Tham Mei Ling	ASI-0125-02-SVC
5.	E-lons Corporation Sdn Bhd	Jessi Ooi	ASI-0124-03-SVC
6.	Innergia Labs Sdn Bhd	Daphne Thong	ASI-0820-29-ICT
7.	Ingenuous Consultancy	Maslina Bt Mohd Masri	AFE-0820-25

AHLI BERGABUNG

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia (PKSM)	Surain Kanda	AAM-1021-18-WEL

PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Cambridge English For Life Sdn Bhd	Carolina Keong	OFO-0506-06-EDU
2.	City Coin Laundry Sdn Bhd	Muhammad Hafizuddin Bin Mohd Nizan Anuar	OFO-0617-01-SVC
3.	City Coin Laundry Sdn Bhd	Nurul Ashikin Binti Shamsul Kamal	OFO-0617-01-SVC
4.	City Coin Laundry Sdn Bhd	Sandra Chua	OFO-0617-01-SVC
5.	Deemcee Sdn Bhd	Jason Ng Chia Hui	OFO-0123-102-EDU
6.	DN Cleaning Services Sdn Bhd	Gowri A/P Sanniasy	OFO-0124-22-SVC
7.	Ezzybucks Sdn Bhd	Shawn Yap	OFO-0324-08-F&B
8.	Ezzybucks Sdn Bhd	Jack Goh	OFO-0324-08-F&B
9.	Genius Aulad International Sdn Bhd	Shahril Yusri Bin Abdul Rahman	OFO-0911-03-EDU
10.	Gintell M Sdn Bhd	May Wong	OFO-0615-03-B&H
11.	Harta Maintenance Sdn Bhd	Asan Mohamed Haja Maideen	OFO-0313-01 SVC
12.	Harta Maintenance Sdn Bhd	Mohinderjeet Singh Sathwan Singh	OFO-0313-01 SVC
13.	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Amril Rizar Bin Abd Rani	OFO-0110-01-F&B
14.	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Gradys Lee	OFO-0316-01-F&B
15.	Little Caliphsâ® International Sdn Bhd	Azmel Bin Ahmad	OFO-0220-06-EDU
16.	Midyson Sdn Bhd	Ooi Zheng Yi, Jsonn	OFO-0623-105-BH
17.	Midyson Sdn Bhd	Pamela Ong Kim Wee	OFO-0623-105-BH
18.	MY US Pizza Sdn Bhd	Jeremy Hew	OFO-0921-14-F&B
19.	MY US Pizza Sdn Bhd	Connie Yang	OFO-0921-14-F&B
20.	MY US Pizza Sdn Bhd	Muhammad Shukri	OFO-0921-14-F&B
21.	Permodalan Kelantan Berhad	Ramilan Abd Rahman	OFO-1214-02-SVC
22.	QC Group Sdn Bhd	Muhammad Tajudin Bin Mustafa	OFO-1121-20-EDU
23.	QC Group Sdn Bhd	Che Nurul Khairunnisa Binti Che Kadir	OFO-1121-20-EDU
24.	Q-Dees Worldwide Edusystems (M) Sdn Bhd	Muhammad Adib Bin Rapia'e	OFO-0797-03-EDU
25.	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Ahmad Syerhan Bin Ahmad Tarmizi	OFO - 1007-02-FS
26.	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Muhammad Solehin Bin Abdul Rahim	OFO - 1007-02-FS
27.	Rotiboy Bakeshoppe Sdn Bhd	Tan Yi Kai	OFO-0104-09-F&B
28.	TMK Industries Sdn Bhd	Pradaesh A/L Ganesan	OFO-0125-03-SVC
29.	Dommal Food Services Sdn Bhd	Muhammad Shafiq Bin Azli	OMF-0525-09-F&B
30.	Franchise Technology & Methods Sdn Bhd	Paul Siew	OSI-0795-06-CON
31.	KASS International Sdn Bhd	YC Liu	OSI-0123-01-CON
32.	KASS International Sdn Bhd	Ines	OSI-0123-01-CON

PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
33.	Khalek Awang & Associates	Iman Irdina Binti Khalek	OSI-0622-104-LEG
34.	Khalek Awang & Associates	Zakhirah @ Zamariah Binti Mohd Zabidi	OSI-0622-104-LEG
35.	Maction Sdn Bhd	Ooi Wei Xiang	OSI-0622-19-CON
36.	Mark's Food Solutions Sdn Bhd	Siti Hamidah	OSI-1224-25-SVC
37.	Messrs Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners	Dato' Dr. Manjit Singh Sachdev	OSI-0498-08-LEG
38.	Miraj Consultancy	Gabriel Gan	OSI-0525-101-CONS
39.	SME Bank	Wan Badaru	OSI-0525-08-FI
40.	SME Bank	Ahmad Sazmy Abd Aziz	OSI-0525-08-FI
41.	Deliver Travel & Tours Sdn Bhd	Norshafarrah Binti Abdul Rahman	AFO-0817-01-SVC
42.	Seruni Global Sdn Bhd	Anati Farzana Binti Mohamad Zaili	AFO-0125-01-F&B
43.	King's Park Management Sdn Bhd	Amirah Hamid	ASI-0525-10-SVC
44.	Messrs Pathma Raj Ramasamy & Co.	P. Meethulan A/L Panir Selvam	ASI-1224-27-LEG
45.	Synergy Connect Holdings Sdn Bhd	Heidi Ho	ASI-0125-02-SVC

KEMENTERIAN

BIL	NAMA KEMENTERIAN	WAKIL
1.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Ichwan Fiska Rimaya Bin Musly Thahar
2.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Mohd Firdaus Bin Mohd Ali
3.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Lim Tatt Wah
4.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Nur Ain Sakinah Binti Hishamuddin
5.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Najemun Shaki Binti Hazrat Rahman
6.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Nur Shafieka Syaidatul Farhain Binti Adam
7.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Siti Fatin Nadirah Binti Noor Muhammad
8.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Mohamad Afiq Ikmal Bin Mohamad Aris

JEMPUTAN

BIL	NAMA ORGANISASI	WAKIL
1.	Putra Business School (Ahli Jawatankuasa Utama Dilantik)	Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia (Ahli Jawatankuasa Utama Dilantik)	Prof. Dr. Mohd Hizam Hanafiah
3.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Farah Azura Binti Ismail
4.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Tuan Mohd Saifuddin Bin Tuan Husain

MINIT MESYUARAT AGUNG KHAS 2025 PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

Tarikh : 3 September 2025 (Rabu)
Masa : 2.40 petang – 4.00 petang
Tempat : Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur
Pengerusi : YBhg. Datuk Dr Radzali Hassan

Kehadiran :	YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir En. Kairul Azman Mohd Yusoh En. Khalek Awang En. Mohamad Azwani Asa'd En. Terry Lim Dr. Jacky Lim Pn. Wong Jin Nee En. Damian Yeo Shen Li En. Kevan Ong En. Pengiran Muhammad 'Adil Awang Iskanderdzulkarnein Cik Fatin Muzfirah Ahmad Shauhada	Naib Pengerusi Setiausaha Agung Penolong Setiausaha Bendahari Agung Penolong Bendahari Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa Ahli Jawatankuasa
--------------------	---	--

67 kehadiran termasuk 43 perwakilan ahli biasa dan kementerian, 6 perwakilan ahli bersekutu, 17 pemerhati daripada wakil ahli. (Sila rujuk lampiran)

Tidak Hadir dengan notis :	En. Deric Yeo Chin Lee En. Daniel Sim Lim Kit	Naib Pengerusi Ahli Jawatankuasa
-----------------------------------	--	-------------------------------------

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENERUSI

- 1.1 YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli, merakamkan penghargaan atas komitmen mereka serta menekankan objektif Mesyuarat Agung Khas untuk meluluskan pindaan perlembagaan bagi memperkukuh tadbir urus MFA.
- 1.2 Beliau menegaskan peranan MFA dalam memajukan industri francais, dengan fokus kepada peluasan pasaran antarabangsa khususnya ASEAN, penganjuran program latihan berstruktur termasuk CFE, serta penganjuran FIM 2026 sebagai platform utama.
- 1.3 Pengerusi juga menyeru ahli untuk terus berganding bahu bagi memperkukuh MFA dan industri francais Malaysia.

2.0 KORUM

Mesyuarat dimaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi sebagaimana Fasal 8(1), Undang-Undang Tubuh MFA bagi meneruskan Mesyuarat Agung Khas ini.

3.0 PERBENTANGAN BAGI MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN USUL CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG TUBUH PERSATUAN

- 3.1 Perbentangan Cadangan Pindaan Undang-Undang Tubuh telah dipimpin oleh En. Khalek Awang selaku wakil Ahli Jawatankuasa Utama. Beliau membentangkan tujuan, latar belakang serta kaedah pelaksanaan sebelum cadangan pindaan ini dibawa ke Mesyuarat Agung Khas. Proses maklum balas telah dilaksanakan melalui tiga peringkat, iaitu: (i) maklum balas daripada semua ahli, (ii) perbincangan kumpulan fokus oleh Jawatankuasa Kecil Pindaan Undang-Undang Tubuh, dan (iii) perbincangan dalam Jawatankuasa Utama.
- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa notis mesyuarat beserta dokumen Undang-Undang Tubuh MFA sedia ada dan Cadangan Pindaan Undang-Undang Tubuh telah dikongsikan kepada semua ahli yang layak mengikut tempoh notis kepada Wakil Ahli Rasmi Berdaftar.
- 3.3 Cadangan pindaan undang-undang tubuh persatuan melibatkan 19 Fasal utama yang merangkumi aspek takrif, nama, lambang dan tempat urusan, tujuan dan maksud, keahlian, yuran, mesyuarat agung,

jawatankuasa, kewangan, pembubaran. Pindaan ini telah dibahagikan kepada 3 kategori utama iaitu pindaan dari segi ejaan dan penggunaan tatabahasa, perkara-perkara yang mengikut amalan semasa serta perkara-perkara berkaitan dengan Akta Francais 1998 (Pindaan 2020). Ringkasan cadangan pindaan adalah seperti berikut:

- | | |
|---------|--|
| Fasal 1 | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pindaan istilah pada Fasal 1(b) 2. Tambahan takrif baharu pada Fasal 1(g) |
| Fasal 2 | <ol style="list-style-type: none"> 3. Pindaan ayat Fasal 2(3) iaitu padam perkataan “Wawasan 2020”. |
| Fasal 3 | <ol style="list-style-type: none"> 4. Pindaan istilah pada Fasal 3(1)(a) dan 3(1)(b) 5. Penambahbaikan penggunaan bahasa pada Fasal 3(2)(a); 3(2)(c); 3(3)(a); 3(3)(e); 3(3)(j); 3(3)(k). |
| Fasal 4 | <ol style="list-style-type: none"> 6. Pindaan Fasal 4(a) bagi maksud keahlian kategori Ahli Biasa bagi Francaisi dimana Francaisi berbilang unit melebihi 5 unit 7. Pindaan Fasal 4(b) bagi maksud keahlian kategori Ahli Bersekutu untuk Bakal Francaisi dimana francaisi yang francaisornya bukan Ahli MFA, francaisi unit tunggal dan francaisi berbilang unit (kurang daripada 5 unit). 8. Mansuh Fasal 4(g) bagi keahlian seumur hidup disebabkan tidak relevan dan bercanggah dengan Akta Francais yang memberi tempoh sah perniagaan francais.. 9. Pindaan ayat Fasal 4(3)(a) dengan hanya menyatakan perkataan ahli MFA sahaja yang merangkumi semua kategori keahlian. 10. Pindaan istilah “eksekutif” kepada pengarah atau wakil yang berkuasa” pada Fasal 4(2)(e)(i); 4(2)(e)(ii); 4(2)(e)(iii); 4(2)(e)(iv); 4(2)(e)(v); 4(2)(e)(vi); 4(2)(e)(vii) dan 4(2)(e)(viii) 11. Pindaan istilah “agensi awam” kepada “kementerian yang bertanggungjawab” pada Fasal 4(2)(e)(ix) 12. Mansuhkan Fasal 4(2)(f) berkaitan ahli seumur hidup 13. Pindaan Fasal 4(6)(f) dengan menyatakan hak ahli antarabangsa secara terperinci. 14. Mansuhkan Fasal 4(6)(g) berkaitan Ahli Seumur Hidup 15. Pindaan tatabahasa dan struktur ayat bagi Fasal 4(7) dan Fasal 4(8)(a) |
| Fasal 5 | <ol style="list-style-type: none"> 16. Pindaan kenaikan kadar bayaran proses bagi semua kategori keahlian kecuali ahli kehormat pada Fasal 5(1)(a) hingga Fasal 5(1)(g) kecuali 5(1)(e) 17. Pindaan kenaikan kadar yuran tahunan keahlian pada Fasal 5(2)(a); 5(2)(b); 5(2)(c); 5(2)(f) dan 5(2)(i). 18. Pindaan dengan menambah ayat bagi opsyen bayaran ansuran yuran tahunan sehingga maksimum 6 bulan pada fasal bagi 5(2)(g) 19. Pindaan istilah pada Fasal 5(2)(h) dengan perkataan “material” dimansuhkan dan ditukar kepada “aset, barangan”. 20. Mansuhkan Fasal 5(2)(j) bagi yuran tahunan ahli seumur hidup |
| Fasal 6 | <ol style="list-style-type: none"> 21. Pindaan Fasal 6(4) bagi memendekkan tempoh rayuan pemecatan dan penggantungan keahlian daripada 6 bulan kepada 2 bulan. |
| Fasal 7 | <ol style="list-style-type: none"> 22. Pindaan Fasal 7 perkataan “Ketua Eksekutif” ditukar kepada “Ketua Pegawai Eksekutif”. |
| Fasal 8 | <ol style="list-style-type: none"> 23. Pindaan Fasal 8(1) dengan memasukkan tambahan perkataan “tahunan”. 24. Pindaan Fasal 8(2) berkaitan tempoh masa menunggu bilangan korum mencukupi ditukar dari 30 minit kepada 1 jam sebelum penangguhan mesyuarat agung dapat dilaksanakan. 25. Pindaan Fasal 8(3) berkaitan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dengan menambah perkataan “kaedah”. 26. Pindaan Fasal 8(6)(ii) dengan meminda ayat dengan menambah syarat permintaan mesyuarat khas perlu ditandatangani wakil sah bagi pertubuhan dan dihantar kepada pejabat pertubuhan berdaftar serta diperakui oleh wakil Pertubuhan yang ditetapkan. 27. Pindaan Fasal 8(7) berkaitan tempoh notis panggilan mesyuarat khas yang dilanjutkan daripada 1 bulan kepada 3 bulan. |

Fasal 9	28. Pindaan Fasal 9(1) berkaitan tempoh pegangan jawatan ahli Jawatankuasa Utama daripada lima (5) penggal kepada (3) penggal sahaja. 29. Pindaan Fasal 9(2) bagi istilah “agensi awam” yang ditukar kepada “Kementerian. 30. Pindaan Fasal 9(7) bagi istilah “Pekerjaan” ditukar kepada “Peranan” dan tambahan perkataan “Tahunan” pada Mesyuarat Agung menjadikan “Mesyuarat Agung Tahunan”. 31. Pindaan Fasal 9(8) berkaitan tempoh notis panggilan mesyuarat daripada tujuh (7) hari kepada empat belas (14) hari. 32. Memansuhkan Fasal 9(9) dan 9(10) berkaitan perlaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif sekiranya mesyuarat Jawatankuasa Utama tidak dapat diadakan kerana perkara mustahak. 33. Pindaan Fasal 9(12) berkaitan penambahan ayat bagi menyatakan keperluan mendapatkan pengesahan Mesyuarat Jawatankuasa Utama sekiranya berlaku penamatan ahli Jawatankuasa Utama. 34. Pindaan Fasal 9(13) berkaitan tambahan ayat sebab penamatan ahli jawatankuasa utama kerana mengalami kelainan upaya dan memberi kuasa kepada mesyuarat agung seterusnya untuk memilih pengganti ahli jawatankuasa utama tersebut.
Fasal 10	Tiada pindaan
Fasal 11	35. Pindaan Fasal 11(2) dengan memansuhkan ayat “selain daripada tanggungjawab yang diperuntukkan pada Fasal 9(9)” kerana fasal 9(9) telah dimansuhkan. 36. Pindaan Fasal 11(5) berkaitan kuasa Jawatankuasa Eksekutif dengan menambah ayat “Sebarang keputusan dalam klausa ini hendaklah dibentangkan dalam Jawatankuasa Utama”.
Fasal 12	37. Pindaan Fasal 12(1) dengan menambah tiga jawatankuasa kecil iaitu JKK Pembangunan Perniagaan, JKK Pentadbiran dan JKK Kewangan. 38. Pindaan Fasal 12(3); 12(4); 12(5) dan 12(6) berkaitan perubahan dari segi ejaan dan penggunaan bahasa. 39. Tambahan Fasal 12(7); 12(8) dan 12(9) bagi menjelaskan tanggungjawab tiga JKK yang baharu dimasukkan dalam Fasal 12(1) 40. Pindaan bilangan Fasal 12(7) kepada Fasal 12(10) disebabkan pertambahan tiga tanggungjawab JKK baharu. Juga tambahan perkataan “Jawatankuasa Adhoc” dan “bidang tugas”.
Fasal 13	41. Pindaan Fasal 13(1); Fasal 13(2) dan Fasal 13(3) dari segi ejaan dan penggunaan bahasa.
Fasal 14	42. Pindaan Fasal 14(1); 14(2) dan 14(4) berkaitan perubahan dari segi penggunaan bahasa pada masa kini. 43. Pindaan Fasal 14(5) berkaitan peningkatan had jumlah perbelanjaan bagi setiap peringkat kelulusan. 44. Pindaan Fasal 14(6) berkaitan perubahan kuasa bagi meluluskan belanjawan yang khusus oleh Jawatankuasa Eksekutif daripada Mesyuarat Agung kepada Mesyuarat Jawatankuasa Utama. Juga pindaan kepada istilah Ketua Eksekutif kepada Ketua Pegawai Eksekutif. 45. Pindaan Fasal 14(7) berkaitan penambahbaikan tadbir urus dalam penyediaan laporan kewangan pertubuhan.
Fasal 15	46. Pindaan istilah dan penggunaan ayat pada Fasal 15(1) 47. Menghadkan tempoh perlantikan juruaudit dalaman kepada sembilan (9) tahun pada Fasal 15(1) dan Fasal 15(2). 48. Pindaan Fasal 15(3) dengan meluaskan skop tugas juruaudit dalaman kepada audit kewangan dan perjalanan tadbir urus persatuan.
Fasal 16	49. Pindaan Fasal 16(1) dan 16(2) dari segi istilah dan penggunaan bahasa.
Fasal 17	50. Pindaan Fasal 17(1) dan 17(2) dari segi istilah dan penggunaan bahasa.

Fasal 18	51. Pindaan Fasal 18(1) dengan gabungkan perlantikan Penaung dan Penasihat dalam satu fasal sahaja. 52. Mansuhkan Fasal 18(2) kerana pindaan pada Fasal 18(1).
Fasal 19	Tiada perubahan
Fasal 20	53. Pindaan Fasal 20(1) dan 20(3) berkaitan pindaan pada ejaan dan penggunaan bahasa.
Fasal 21	Tiada perubahan
Fasal 22	54. Pindaan Fasal 22(1) berkaitan syarat majoriti pembubaran pertubuhan ditukar dari tiga per lima (3/5) kepada dua per lima (2/3) ahli yang hadir

3.4 En. Khalek telah membentangkan semua pindaan yang dianggap signifikan dan memberi kesan substantif kepada undang-undang tubuh MFA. Pindaan selebihnya adalah bersifat editorial, melibatkan pembetulan dari segi tatabahasa dan penyusunan ayat semata-mata bagi tujuan penambahbaikan perlembagaan.

3.5 Cadangan pindaan Fasal 5 (1) melibatkan peningkatan bayaran memproses permohonan untuk menjadi ahli setelah mengambil pertimbangan bahawa terdapat peningkatan signifikan ke atas kos operasi dan untuk memastikan keahlian terdiri daripada mereka yang benar-benar berminat dalam industri francais. Butirannya adalah seperti berikut:

Kategori	Asal	Baharu
Ahli Biasa -Francaisor, Francaisi Induk, Institusi Sokongan	RM300	RM1,000
Ahli Biasa -Francaisi	RM150	RM1,000
Ahli Bersekutu -Bakal Francaisor, Bakal Francaisi Induk, Institusi Sokongan, Bakal Francaisi	RM300	RM1,000
Ahli Bergabung dan Ahli Antarabangsa	RM300	RM1,000
Ahli Pelajar	RM50	RM300

3.6 Cadangan pindaan Fasal 5 (2) melibatkan peningkatan yuran tahunan setelah mengambil pertimbangan bahawa terdapat peningkatan signifikan ke atas kos operasi dan aktiviti MFA serta tiada peningkatan yuran dilaksanakan lebih 10 tahun. Selain itu, dengan cadangan pindaan ini, ahli Jawatankuasa Utama berazam untuk terus berusaha meningkatkan lagi perkhidmatan dan manfaat kepada ahli. Butirannya adalah seperti berikut:

Kategori	Asal	Baharu
Ahli Biasa -Francaisor, Francaisi Induk, Institusi Sokongan	RM2,000	RM2,500
Ahli Biasa -Francaisi	RM200	RM500
Ahli Bersekutu -Bakal Francaisor, Bakal Francaisi Induk, Institusi Sokongan, Bakal Francaisi	RM1,000	RM1,250
Ahli Bergabung dan Ahli Antarabangsa	RM300	RM375
Ahli Pelajar - Pengajian sijil, diploma dan ijazah - lain-lain ahli pelajar	RM50 RM100	- -

3.7 Cadangan pemansuhan kategori keahlian seumur hidup melibatkan Fasal 4(1)(g), 4(2)(f), 4(6)(g), 5(1)(f) dan 5(2)(j), memandangkan ia tidak selaras dengan akta francais dan amalan perniagaan francais dimana terdapat had tempoh lesen francais. Perkara ini turut mengambil kira peruntukan sedia ada dalam undang-undang tubuh yang membolehkan kepelbagaian kategori keahlian digunakan bagi tujuan pengiktirafan kepada tokoh-tokoh dan pemimpin industri francais yang berwibawa, selaras dengan aspirasi MFA.

3.8 Cadangan pindaan Fasal 6(4) iaitu tempoh rayuan dipendekkan daripada enam (6) bulan kepada dua (2) bulan daripada tarikh notis pemecatan atau penggantungan, ahli itu akan ditakirkan sebagai tidak lagi berminat untuk meneruskan keahliannya di dalam pertubuhan. Pindaan ini dibuat sebagai langkah penambahbaikan tadbir urus proses pemecatan atau penggantungan keahlian.

- 3.9 Cadangan pindaan Fasal 9 melibatkan tempoh pegangan jawatan ahli jawatankuasa utama dipinda kepada tidak melebihi tiga (3) penggal berturut-turut daripada lima (5) penggal dalam fasal asal.
- 3.10 Cadangan pindaan untuk memansuhkan Fasal 9(9) berhubung pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif sekiranya Mesyuarat Jawatankuasa Utama tidak dapat diadakan kerana perkara mustahak. Pemansuhan ini dicadangkan kerana pada masa kini mesyuarat dapat dilaksanakan tanpa halangan melalui kaedah alternatif, khususnya penganjuran secara dalam talian atau menggunakan pelbagai platform digital yang telah dikenal pasti sebagai lebih sesuai, selaras dengan keperluan semasa serta amalan pengurusan moden. Fasal 9(10) juga dimansuhkan berikutan pemansihan Fasal 9(9).
- 3.11 Cadangan pindaan Fasal 11(2) berkenaan tanggungjawab Jawatankuasa Eksekutif dengan memadam peruntukan berkaitan tanggungjawab yang merujuk kepada Fasal 9(9), memandangkan Fasal tersebut telah dimansuhkan.
- 3.12 Cadangan pindaan 11(5) berkenaan kuasa Jawatankuasa Eksekutif untuk membuat keputusan bagi aktiviti operasi pertubuhan yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik dan amalan pengurusan semasa, semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Utama untuk makluman dan pengesahan.
- 3.13 Cadangan pindaan Fasal 12(1) dengan memasukkan tiga (3) Jawatankuasa khusus yang telah dikenal pasti sebagai relevan dan berperanan penting dalam memperkukuh fungsi organisasi. Tambahan Fasal 12 (7), 12(8) dan 12(9) bagi peranan Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan, Jawatankuasa Kecil Pentadbiran, dan Jawatankuasa Kewangan. Skop serta bidang tugas bagi ketiga-tiga jawatankuasa ini turut diperincikan dalam perlembagaan bagi memastikan hala tuju dan tanggungjawab yang jelas.
- 3.14 Cadangan pindaan Fasal 13 melibatkan penggunaan istilah Ketua Eksekutif yang dipinda kepada Ketua Pegawai Eksekutif kerana mengikut terma yang diguna pakai masa kini.
- 3.15 Sesi soal jawab telah dibuka kepada semua ahli yang layak semasa Mesyuarat Agung Khas dijalankan. Butiran lanjut seperti berikut:

- a) Ts. Zool Hilmi Muhamad Amir daripada SRKK Consulting Sdn Bhd telah mengemukakan pertanyaan berkenaan cadangan kenaikan yuran keahlian. Beliau menekankan kepentingan memastikan bahawa sebarang peningkatan yuran adalah selari dengan nilai tambah yang jelas dan signifikan kepada ahli-ahli, khususnya dari segi manfaat, sokongan, dan peluang yang ditawarkan oleh persatuan.

Mesyuarat telah mengambil maklum bahawa MFA telah mengambil kira pelbagai aspek kos dan faedah kepada ahli, khususnya melalui penganjuran aktiviti seperti pameran, insentif, dan program sokongan yang telah memberi manfaat langsung kepada ahli. Selain itu, MFA turut menekankan peranan latihan sebagai salah satu komponen utama dalam Dasar Francais Negara, yang bertujuan untuk memperkukuh tahap pulangan pelaburan (ROI) bagi ahli. MFA juga berhasrat untuk mempertingkatkan usaha pemasaran dan menambah nilai keahlian secara menyeluruh, agar manfaat yang diterima oleh ahli lebih signifikan dan selari dengan perkembangan industri francais.

- b) En. Wan Khairul daripada Seoul Garden telah membangkitkan isu berkaitan keberkesanan kutipan yuran keahlian MFA. Beliau merujuk kepada rekod terdahulu yang menunjukkan MFA menghadapi cabaran dalam pungutan yuran, termasuk penamatan keahlian dan pelupusan hutang lapuk yang terpaksa dilakukan. Sehubungan itu, beliau mempersoalkan sama ada kadar yuran baharu sebanyak RM2,500 mampu dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sama ada ahli akan dapat memenuhi komitmen pembayaran tersebut. Beliau turut meminta penjelasan mengenai manfaat tambahan yang bakal ditawarkan kepada ahli, selain daripada faedah sedia ada. Sebagai cadangan, beliau menyarankan agar MFA memperincikan dan mengutarakan faedah-faedah keahlian secara jelas kepada semua ahli bagi menyokong dan mewajarkan cadangan kenaikan yuran sebanyak 25%.

Mesyuarat telah mengambil maklum bahawa MFA telah melaksanakan proses *profiling* keahlian bagi mengenal pasti punca utama penarikan diri ahli daripada persatuan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka tidak lagi beroperasi, sama ada telah menutup perniagaan sepenuhnya atau tidak lagi menjalankan operasi secara francais. Dalam konteks ini, beliau menyatakan harapan agar cadangan kenaikan yuran keahlian sebanyak 25% dapat menjadi langkah penambahbaikan, memandangkan ahli francais yang berkualiti lazimnya tidak menghadapi masalah pembayaran dan lebih memahami nilai yang ditawarkan oleh MFA. Pada masa yang sama, MFA lebih mengutamakan kualiti ahli berbanding kuantiti.

- c) Ts. Zool Hilmi Muhamad Amir daripada SRKK Consulting Sdn Bhd telah mengutarakan persoalan berkenaan hala tuju dan cadangan seterusnya susulan pemansuhan keahlian seumur hidup oleh MFA. Beliau meminta penjelasan mengenai bentuk keahlian alternatif yang akan ditawarkan, serta bagaimana MFA merancang untuk mengekalkan nilai dan daya tarikan keahlian dalam jangka panjang.

Mesyuarat telah mengambil maklum bahawa terdapat pelbagai kategori keahlian dalam undang-undang tubuh MFA dan tiada rekod pendaftaran keahlian seumur hidup sehingga kini. Jesteru itu, pemansuhan keahlian seumur hidup boleh dilaksanakan kerana tiada perubahan dan implikasi struktur yang terlibat.

- d) Pn. Maslyna Sabry daripada Boat Noodle Sdn Bhd telah membangkitkan isu ketidaksejajaran antara nama persatuan dalam Bahasa Melayu (Persatuan Francais Malaysia) dan Bahasa Inggeris (Malaysian Franchise Association). Beliau memohon penjelasan sama ada penyeragaman nama boleh dipertimbangkan.

Mesyuarat telah mengambil maklum bahawa sebarang cadangan untuk meminda nama persatuan tidak dapat dilaksanakan buat masa ini kerana ia melibatkan implikasi besar dari segi penjenamaan dan pendaftaran cap dagangan (*trademark*). Sehubungan itu, perubahan tersebut boleh dipertimbangkan pada masa akan datang sekiranya perlu dan sesuai.

- e) En. Mohd Faizal Abd Latip daripada QC Group Sdn Bhd telah membangkitkan persoalan berkenaan kewajipan ahli seperti yang dinyatakan dalam fasal 8(a) dan 8(b). Beliau mencadangkan agar ayat dalam fasal 8(b) disemak semula, kerana penggunaan istilah “menjunjung kedaulatan undang-undang tubuh persatuan” dilihat kurang tepat dari segi konteks. Cadangan beliau adalah agar fasal tersebut dirumuskan semula kepada: “menjunjung kedaulatan perlembagaan persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa serta mematuhi undang-undang tubuh persatuan,” bagi memastikan maksud yang disampaikan lebih tepat dan selaras dengan prinsip perundangan.

Mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan tersebut dan akan membuat pindaan selaras dengan cadangan yang telah dikemukakan.

- f) En. Wan Khairul Annuar Wan Zainal telah membangkitkan persoalan mengenai peratusan keahlian aktif dalam MFA, dengan menekankan bahawa jumlah keahlian yang tinggi tidak memberi nilai sekiranya ahli tidak berfungsi secara aktif. Beliau turut memohon penjelasan berkenaan kriteria pelantikan ahli kehormat, serta mencadangkan agar faktor-faktor kelayakan tersebut dimasukkan secara jelas dalam peraturan atau garis panduan keahlian.

Mesyuarat telah mengambil maklum bahawa bilangan ahli biasa adalah 327 ahli yang terdiri daripada Francaisor, Francaisi Induk, Francaisi, dan Institusi Sokongan. Manakala bagi ahli bersekutu terdiri dari Bakal Francaisor, Bakal Francaisi Induk, Bakal Francaisi dan Institusi Sokongan terdiri dari 192 ahli. Seterusnya bagi ahli bergabung, ahli antarabangsa dan ahli pelajar adalah seramai 23 ahli. Selain itu, cadangan bagi mewujudkan garis panduan berkaitan kriteria pelantikan ahli kehormat akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Utama untuk pertimbangan lanjut.

- g) En. Wan Khairul Annuar Wan Zainal telah memaklumkan bahawa terdapat kesilapan ejaan pada muka surat 20, perkara 1, perenggan pertama. Tempoh yang sepatutnya dinyatakan sebagai “tiga tahun” telah tersilap ditulis sebagai “dua tahun.”

Mesyuarat telah mengambil maklum berkenaan kesilapan ejaan yang dinyatakan dan membuat pembetulan selaras dengan cadangan yang telah dikemukakan.

- h) En. Mohd Faizal Abd Latip telah memohon penjelasan mengenai cadangan pindaan syarat keahlian ahli biasa kepada francaisi berbilang unit (lima unit). Beliau mempersoalkan rasional pemilihan angka lima unit tersebut dan sama ada ia disokong oleh data keahlian semasa MFA. Beliau turut menegaskan bahawa francaisor dan francaisi adalah entiti yang berbeza dari segi peranan dan struktur operasi, justeru penyamaan syarat keahlian dan kadar yuran dilihat berpotensi mewujudkan ketidakadilan. Tambahan lagi, pindaan ini menurutnya boleh memberi kesan terhadap representasi francaisi dalam Jawatankuasa Utama, sedangkan misi persatuan adalah untuk menyatukan francaisor, francaisi dan institusi sokongan dalam semangat kekeluargaan.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa rasional pengiktirafan francaisi berbilang unit sebagai ahli biasa adalah untuk menyelaraskan kadar yuran dan manfaat yang diterima oleh ahli, memandangkan yuran francaisi ditetapkan pada kadar RM500 bagi setiap unit. Oleh itu, francaisi yang memiliki lima unit akan membayar yuran keseluruhan sebanyak RM2,500, setara dengan kadar yuran ahli biasa (francaisor) dan manfaat yang diterima. Selain itu, mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pada masa ini tiada francaisi berbilang unit yang berdaftar, terdapat lebih 20 francaisi yang berdaftar sebagai ahli MFA, dengan 12 daripadanya dikenal pasti sebagai aktif/ sah.

Selain itu, mesyuarat turut mengambil maklum bahawa pelantikan dan pemilihan wakil ke Jawatankuasa Utama adalah hak mutlak ahli melalui Mesyuarat Agung. Justeru, keputusan mengenai representasi francaisor dan francaisi dalam kepimpinan tertinggi persatuan bergantung sepenuhnya kepada ahli MFA.

3.0 KEPUTUSAN UNDIAN KELULUSAN CADANGAN PINDAAN

- 3.1 Usul cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh MFA telah diterima dan diluluskan sebulat suara oleh semua ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung Khas ini.

4.0 UCAPAN PENANGGUHAN


- 4.1 Pengerusi, YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli atas sokongan dan komitmen dalam menjayakan mesyuarat kali ini. Beliau menyatakan bahawa segala cadangan yang dikemukakan akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi untuk pertimbangan lanjut. Berhubung isu kenaikan kos, beliau menekankan keperluan bagi MFA untuk mengenal pasti ruang yang bersesuaian. Memandangkan keperluan setiap ahli adalah berbeza, beliau menyeru agar semua ahli menyatakan keperluan masing-masing supaya penilaian yang lebih menyeluruh dapat dibuat. Pengerusi turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua hadirin dan jemputan yang hadir. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pihak MFA untuk penjelasan selanjutnya.
- 4.2 YBhg Datuk Pengerusi telah menangguhkan Mesyuarat Agung Khas 2025 pada jam 4.00 petang dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.

Minit disediakan oleh:



(BAYANI SALIHAH IBRAHIM)
Penolong Pengurus
Tarikh: 12 September 2025

Disemak oleh:



(SITI OHARA HAMDAN)
Pengurus
Tarikh: 24 September 2025




(ZURAIDA JOMRI)
Ketua Pegawai Eksekutif
Tarikh: 8 Oktober 2025

Disahkan benar oleh:



(KAIRUL AZMAN MOHD YUSOH)
Setiausaha Agung
Tarikh: 10/10/2025



(DATUK DR RADZALI HASSAN)
Pengerusi
Tarikh: 10/10/2025

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG KHAS 2025

AHLI BIASA – FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Aloha Training Sdn Bhd	Irene Ng Phooi Yi	OFO-0521-07-EDU
2.	Boat Noodle Sdn Bhd	Maslyna Sabry	OFO-0123-101-F&B
3.	Bonda Learning Centre Sdn Bhd	Nur Adillah Ramly	OFO-1223-36-EDU
4.	Brickforest Sdn Bhd	Raini Lim	OFO-0120-102-F&B
5.	City Coin Laundry Sdn Bhd	Muhammad Hafizuddin Bin Mohd Nizan Anuar	OFO-0617-01-SVC
6.	Cleanpro Express Sdn Bhd	Nurshafika Binti Razali	OFO-0414-02-SVC
7.	Deemcee Sdn Bhd	Chen Ee Ling	OFO-0123-102-EDU
8.	Dfc Global Sdn Bhd	Syarifudin Bin Omar	OFO-0924-18-F&B
9.	Gintell (M) Sdn Bhd	May Wong Mei Yoong	OFO-0615-03-B&H
10.	Global Art & Creative Sdn Bhd	Terry Lim	OFO-1214-01-EDU
11.	Goldlife Marketing Sdn Bhd	Lim Kheng Aun	OFO-1214-05-RET
12.	Harta Maintenance Sdn Bhd	YBhg. Datuk Dr. Radzali Hassan	OFO-0313-01-SVC
13.	King's Confectionery Sdn Bhd	Pam Tan Ah Yong	OFO-0312-08-F&B
14.	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Mohd Rashdan Bin Othman	OFO-0110-01-F&B
15.	Legion Of Fame Sdn Bhd	Dasrul Dahlan	OFO-0124-02-BH
16.	Little Caliphs® International Sdn Bhd	Azmel Bin Ahmad	OFO-0220-06-EDU
17.	Marrybrown Sdn Bhd	Kairul Azman Bin Mohd Yusoh	OFO-0795-04-F&B
18.	MK Textile Holdings Sdn Bhd	Hamidah Ibrahim @ Abd Hamid	OFO-0725-11-RET
19.	PMA Rich (M) Sdn. Bhd.	Pengiran Muhammad 'Adil Bin Awang Iskanderzulkarnein	OFO-0623-104-F&B
20.	QC Group Sdn Bhd	Mohd Faizal Abd Latip	OFO-1121-20-EDU
21.	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Hj Mohamad Azwani Bin Asa'd	OFO-1007-02-SVC
22.	Revenue Valley Sdn Bhd	Abd Hanif Ab Rahman	OFO-0304-01-F&B
23.	Roasters Asia Pacific (M) Sdn Bhd	Syaffiq Ali	OFO-1195-01-F&B
24.	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	Kevan Ong	OFO-1000-04-EDU
25.	SRKK Consulting Sdn Bhd	Ts. Zool Hilmi Muhamad Amir	OFO-1023-112-OTH

AHLI BIASA – FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	7-Eleven Malaysia Sdn Bhd	Nor Shakyla Ahmad	OMF-0609-07-RET
2.	Genesis Bbq Chicken (M) Sdn Bhd	Kenny Kim	OMF-0325-06-F&B

AHLI BIASA – FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Seoul Garden Restaurant Sdn Bhd	Wan Khairul Annuar Bin Wan Zainal	OFE-1218-04-F&B
2.	Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd	YBhg. Dato' Zahriah Abd Kadir	OFE-0512-02-TRV
3.	CIC International Incorporated	Ali Haidar	OFO-0910-08-EDU
4.	Kluang Station	Lim Mei Mei	OFO-0316-01-F&B

AHLI BIASA – INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Damian SL Yeo & LC Goh	Damian Yeo Shen Li	OSI-0305-17-LEG
2.	Karl Consult Sdn Bhd	Khairul Anuar Shariff	OSI-0521-08-CON
3.	KASS International Sdn Bhd	Norhafizah Binti Saipol Bahri	OSI-0123-01-CON
4.	Khalek Awang & Associates	Khalek Awang	OSI-0622-104-LEG
5.	Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners	Fatin Muzfirah Binti Ahmad Shauhada	OSI-0498-08-LEG
6.	Messrs Zharif Nizamuddin	Mohd Saiful Haq Bin Khider	OSI-0525-102-LEG
7.	Miraj Consultancy	Gan Way Hua	OSI-0525-101-CON
8.	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	Rohaidah Binti Aris	OSI-0525-08-FI
9.	Wong Jin Nee & Teo	Wong Jin Nee	OSI-0305-05-LEG

AHLI BERSEKUTU – BAKAL FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Sentrax Global Academy Sdn Bhd	Haji Faizal Rahim Bin Moidunny	AFO-1219-02-SVC
2.	Sinar Global Hygiene (M) Sdn Bhd	Mohamed Nizar Bin Rahiman Shah	AFO-1219-01-SVC

AHLI BERSEKUTU – BAKAL FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Ingenuous Consultancy	Maslina Mohd Masri	AFE-0820-25

AHLI BERSEKUTU – INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Skill Solutions Sdn Bhd	Ahmad Safwan Badri Bin Ahmad Nazri	ASI-0725-14-SVC
2.	Tay & Partners	Chong Kah Yee	ASI-1206-02-LEG

AHLI BIASA – FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Nautical Bright Enterprise	Mohamad Shukri Salleh	OFE-0620-19-SVC

AHLI BERGABUNG

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Pertubuhan Kemajuan Sosial Malaysia	Suraindran Kandasamy	AAM-1021-18-WEL

KEMENTERIAN

BIL	NAMA KEMENTERIAN	WAKIL
1.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Adila Sabri Bin Muhammad
2.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Najdiah Binti Ismail
3.	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	Irwan Effendy Bin Bahtiar

PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1.	Aloha Training Sdn Bhd	Sylvester Chong Kar Man	OFO-0521-07-EDU
2.	Bonda Learning Centre Sdn Bhd	Nur Atikah Mohd Aziz	OFO-1223-36-EDU
3.	City Coin Laundry Sdn Bhd	Nurul Ashikin Binti Sjamsul Kamal	OFO-0617-01-SVC
4.	Damian SL Yeo & LC Goh	Peggy Chew	OSI-0305-17-LEG
5.	DFC Global Sdn Bhd	Amira Binti Omar	OFO-0924-18-F&B
6.	Happy Potato Sdn Bhd	Muhammad Firdaus Bin Mohamad Faudzi	OFO-0424-10-F&B
7.	Karl Consult Sdn Bhd	Nurfarhani Lee	OSI-0521-08-CON
8.	KASS International Sdn Bhd	Muhamad Ikhwan Bin Mustapha	OSI-0123-01-CON
9.	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Gradys Lee	OFO-0110-01-F&B
10.	Midyson Sdn Bhd	Ooi Zheng Yi, Jsonn	OFO-0623-105-BH
11.	Miraj Consultancy	Zeehan Rosle	OSI-0525-101-CON
12.	My US Pizza Sdn Bhd	Muhammad Shukri Muhammad Ridzuan Tan	OFO-0921-14-F&B
13.	Sentrax Global Academy Sdn Bhd	Leaguat Ali Khan	AFO-1219-02-SVC
14.	Skill Solutions Sdn Bhd	Hillary Anak Jonathan	ASI-0725-14-SVC
15.	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	Muhammad Haziq Naim Md Hussin	OSI-0525-08-FI
16.	SRKK Consulting Sdn Bhd	Dr. Ramli Ismail	OFO-1023-112-OTH
17.	CIC International Incorporated	Muhammad Firdaus	OFO-0910-08-EDU